

Pelajar USIM perlu kemas bina penampilan diri

NILAI 19 Feb. – Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dinasihatkan agar sentiasa berpakaian kemas dalam usaha membina imej dan penampilan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Timbalan Canselor (Akademik dan Antarabangsa) universiti itu, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda berkata, langkah itu penting kerana selain kemahiran dan latar belakang pendidikan, majikan juga turut menekankan imej dan penampilan diri calon pekerjanya.

“Sesuai dengan lelaki dan wanita muslim, kita perlu mencorakkan gaya mengikut faktor berkenaan. Pakaian yang kemas juga menunjukkan kematangan.

“Saya mahu pelajar USIM menjadi perintis penampilan anggun dan kemas, selain kekuatan pendidikan untuk memenangi hati majikan apabila keluar mencari kerja kelak,” katanya pada Program Penggalakkan Ketrampilan Anggun (Peka) yang berlangsung di sini semalam.

Program yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Noraini Ahmad semalam itu akan berakhir Rabu depan.

Mengenai program itu pula, kata beliau, Peka dirancang untuk meningkatkan kesedaran dan rasa kecintaan pelajar kepada rekaan busana muslim yang bersifat kontemporari, selesa, terkini serta selari dengan perkembangan semasa.

“Di USIM, kita sememangnya menggalakkan pelajar berpakaian anggun dan kemas.

“Pada masa yang sama, kita mahu membentuk imej yang baik pelajar, berkeyakinan dan bersedia menuju alam pekerjaan yang kebanyakannya mementingkan gaya dan penampilan,” jelas beliau.

Program itu turut menganjurkan pelbagai pameran termasuk jualan produk kecantikan dan busana.

Pada program itu juga, buletin *BROSIS* dilancarkan untuk mengetengahkan pelbagai rekaan busana untuk lelaki dan wanita bagi menjana minat mereka terhadap gaya kontemporari.